

# Pertingkatkan integriti kerajaan tanpa rasuah

## Usaha melalui GTP tunjukkan tanda awal kejayaan

**K**ERAJAAN akan memberi ketuamaan tinggi kepada usaha membanteras rasuah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RM-Ke-10) kerana ia menjadi asas yang meruntuhkan integriti kerajaan.

Selaras itu, kerajaan mengenal pasti usaha memerangi rasuah sebagai satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan sejak pelancaran Program Transformasi Kerajaan (GTP), beberapa usaha di bawah NKRA telah menunjukkan tanda awal kejayaan.

Antara tanda kejayaan itu ialah:

- Maklumat tender kerajaan termasuk iklan dan pembida berjaya boleh diakses oleh rakyat di portal *MyProcurement* mulai 1 April 2010.

- Garis panduan bertarikh 8 Mac 2010 diedarkan kepada semua kakitangan awam berhubung tindakan perlu diambil mengikut prosedur betul ke atas surat sokongan yang diterima untuk meminimumkan sebarang campur tangan.

- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah diluluskan oleh Parlimen pada 20 April 2010 yang mana rangka kerja perlindungan

pemberi maklumat komprehensif akan diwujudkan untuk melindungi pemberi maklumat dari sektor awam dan swasta yang mendedahkan salah laku serta mereka yang dikehendaki untuk membantu siasatan: dan

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membangunkan laman web yang mendedahkan nama pesalah rasuah dan pekeliling mahkamah telah diedarkan kepada semua hakim yang meminta supaya semua kes rasuah diselesaikan dalam tempoh setahun.

Komitmen kerajaan untuk membanteras rasuah juga bertujuan meningkatkan reputasi Malaysia sebagai sebuah kerajaan yang memartabatkan tahap integriti tertinggi.

Usaha perangi rasuah tumpu:

- Memperkukuh pematuhan dan pemantauan yang mana untuk menyokong usaha ini pematuhan dan pemantauan akan diperkukuh untuk mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan kuasa yang dilaporkan.

- Mempertingkatkan ketelusan dalam kerajaan termasuk meneruskan edaran Laporan Ketua Audit Negara kepada umum dan penubuhan portal

*MyProcurement.*

- Menguat kuasa hukuman dengan cepat dan lebih berat untuk mencegah amalan memberi rasuah yang mana perbicaraan kes rasuah akan dipercepat dengan mengurangkan tempoh proses penghakiman.

- Meningkatkan kesedaran awam yang mana kerajaan akan mengguna pakai dasar toleransi sifar terhadap kesalahan rasuah dengan pendirian bahawa tiada individu yang berada di luar lingkungan undang-undang dan semua kes rasuah yang dilaporkan akan disiasat sepenuhnya.

- Menilai semula institusi utama yang mana kerajaan akan melaksana penilaian semula yang komprehensif terhadap institusi barisan hadapan yang memerangi rasuah dengan objektif merangka kaedah bagi meningkatkan kebebasan dan pemerksaan institusi berkenaan; dan

- Memupuk sistem nilai berteraskan integriti dan moral yang mana Pelan Integriti Nasional ada peranan penting untuk membudayakan masyarakat beretika dan bermoral tinggi serta mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang mantap.